

20 OCT 2001

MAHATHIR-GLOBALISASI

MAHATHIR SERU KE ARAH PRAGMATISMA DALAM ISU GLOBALISASI

Oleh: Mohd Kamel Othman & Ridzuan Zulkifli

SHANGHAI, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pragmatisma diperlukan dalam isu globalisasi kerana "terlalu banyak ideologi" pada masa lampau.

Bercakap di Kemuncak CEO APEC 2001 di Pudong Shangri-La di sini hari ini tentang "Globalisasi Dengan Perkembangan Bersama", Dr Mahathir berkata adalah penting untuk menyimpulkan kebenaran daripada fakta-fakta.

Ini kerana dunia menghadapi defisit kebenaran apabila ia memperkatakan tentang globalisasi, katanya.

"Terlalu sedikit fakta dan terlalu banyak fiksyen untuk diri sendiri. Terlalu ramai yang bersedia untuk berbohong dan membengkokkan kebenaran untuk kepentingan mereka sendiri," kata Dr Mahathir yang tiba di sini awal hari ini.

"Terlalu sedikit akal budi dan pemikiran lurus dan kekurangan pragmatisma adalah defisit kebenaran yang serius," katanya.

Beliau menambah: "Samada kita orang Amerika atau Armenia, Sweden atau Somali, di dalam atau luar kerajaan, kita semua perlu mengurangkan pemikiran secara berkumpulan dan lebih kepada pemikiran bersendirian. Dan kita mesti memastikan yang kita tidak ditarik hidung oleh mubaligh-mubaligh yang berniat baik dan kurang berniat baik, di mana sebahagian daripada mereka telah menjalani pendidikan di sekolah-sekolah injil yang terbaik di dunia."

Dr Mahathir berkata yang diketahui benar tentang ideologi globalisasi tidak lama dulu adalah globalisasi sentiasa baik untuk setiap orang, setiap masa dan setiap cara.

Yang dialami oleh banyak negara di Asia Timur, Afrika dan Amerika Latin adalah sebaliknya, katanya.

Tidak lama dulu, Dr Mahathir berkata mesej dari mimbar kapitalisma dan pasaran bebas, termasuk Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), adalah jelas, iaitu dalam globalisasi yang ada hanya pemenang.

Dr Mahathir berkata pencadang-pencadang globalisasi telah memberitahu negara-negara supaya hanya mengalami keperitan dalam tempoh masa yang lebih lama dan keuntungannya tentu akan datang.

"Kini jelas tanpa ragu bahawa dalam proses globalisasi, yang kini dipromosi, diamal dan dipaksa ke atas kami, terdapat pemenang-pemenang besar dan yang rugi juga besar dan corak asas pemenang dan yang kalah tidak berubah dan tidak adil. Pemenangnya selalunya adalah negara-negara kaya dan yang kalah yang miskin," beliau menegaskan.

Dr Mahathir berkata di kalangan pemikir yang waras dan bertanggungjawab dengan perspektif meluas, mereka merasakan kini terdapat kesepakatan global baru iaitu jika globalisasi diteruskan, mesti ada lebih banyak pemenang dan banyak juga yang rugi dan akan wujud gabungan yang kaya dan yang miskin.

"Inilah kesepakatan global yang baru muncul bahawa pemenang tidak menang sehingga keterlaluan dan kerugian tidak rugi sehingga ke peringkat yang sama.

Dr Mahathir berkata tidak ragu bahawa yang amat kaya dan amat berkuasa adalah pemenang terbesar dalam mainan globalisasi dan yang amat kaya dipanggil HNWI atau individual yang tinggi nilai bersihnya.

"Saya tidak ada apa-apa terhadap orang kaya, terhadap orang kaya atau terhadap orang yang dahulunya dipanggil terlalu kaya. Saya harap sebahagian daripada kita yang tidak kaya satu hari nanti akan menjadi kaya dan mereka yang kaya hari ini akan menjadi lebih kaya pada masa-masa akan datang,"

katanya.

Perdana menteri berkata menurut unjuran Laporan Kesihatan Dunia 2001 dalam tempoh lima tahun akan datang, HNWI dunia yang seramai tujuh juta orang akan mencapai pertumbuhan tahunan 8.0 peratus dalam kekayaan boleh labur mereka.

Kekayaan tambahan yang diunjurkan akan terkumpul menjelang 2005 adalah AS\$39,000 bilion yang boleh diletakkan di pasaran-pasaran saham, dana lindungan nilai, spekulasi matawang, bon dan instrumen kewangan lain.

Tahun lepas, kata Dr Mahathir, mereka mempunyai modal dalam tangan-tangan mereka yang boleh digunakan untuk melabur 2.7 kali jumlah barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh hampir 280 juta rakyat Amerika.

Jika Laporan itu betul, katanya, jumlah yang HNWI dunia miliki pada 2005 bagi melabur dalam saham, dana lindung nilai, spekulasi matarang, bon dan aktiviti kewangan lain adalah bersamaan dengan empat kali ganda Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika, 36 kali KDNK China dan 82 kali KDNK India.

"Bayangkan kuasa ekonomi yang besar HNWI ini ke atas kerajaan-kerajaan atau sistem kewangan antarabangsa," katanya. "Mereka adalah yang paling besar mendapat faedah daripada globalisasi, mempunyai kepentingan terbesar dalam aliran paling bebas dan mainan bebas sepenuhnya modal global."

Dr Mahathir berkata jika beliau mempunyai satu bilion Amerika, beliau juga akan komited sepenuhnya dengan dunia globalisasi tanpa sebarang halangan dan rintangan.

Memandangkan jumlah dan kuasa wang datang dari dolar yang berkuasa, beliau bertanya adakah mengejutkan apabila kapitalisma global berkuasa ke atas "Kesepakatan Washington" Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, WTO dan negara-negara yang paling berkuasa di dunia ini. -- BERNAMA

MKO RBZ SHY JR